

14 JUL 2004
MIC-Tunda
PERHIMPUNAN AGUNG MIC DITUNDA KE TARIKH BARU

KUALA LUMPUR, 14 Julai (Bernama) -- Perhimpunan Agung Tahunan ke 58 MIC yang dijadualkan pada hujung minggu ini telah ditunda ke tarikh baru yang akan ditetapkan kemudian, kata presiden parti Datuk Seri S. Samy Vellu, hari ini.

"Perhimpunan agung yang dijadualkan pada 17 dan 18 Julai ini telah ditunda kerana Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa itu akan berada di luar negara atas urusan rasmi," kata Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya kepada Bernama.

Samy Vellu berkata tarikh baru perhimpunan agung itu akan ditetapkan kemudian dan ia akan dirasmikan oleh Abdullah.

Perdana Menteri dijangka memulakan lawatan kerja ke beberapa negara termasuk Amerika Syarikat dan Britain hujung minggu ini.

Beliau dijadual bertemu dengan Presiden Amerika Syarikat George W. Bush dan Perdana Menteri Britain Tony Blair untuk membincangkan pelbagai isu dalam kapasitinya sebagai pengerusi Pergerakan Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

"Kami kesal kerana kemusykilan yang perlu dilalui oleh perwakilan MIC dan mereka yang terbabit dalam persiapan bagi perhimpunan itu tetapi kami tetap mahu Perdana Menteri yang merasmikan perhimpunan agung itu," kata presiden MIC itu.

Jika ia berlangsung seperti yang dijadualkan, ia akan menjadi perhimpunan agung pertama di kalangan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) untuk dirasmikan oleh Abdullah dalam kapasitinya sebagai Perdana Menteri selepas mengambil alih pucuk pimpinan daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada Oktober lepas.

Ia juga akan menjadikan MIC parti pertama untuk mengadakan perhimpunan agungnya selepas kemenangan besar perikatan itu pada pilihan raya umum Mac lepas.

-- BERNAMA
SR PR